

**Khairy, Shahrizat Dahului Persaingan
Bernama
12 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Penyandang Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin dan Ketua Wanita Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil terus mendahului saingan dengan masing-masing memperoleh 20 dan 23 undi meninggalkan pencabar mereka setakat 9.30 Sabtu malam.

Empat pencabar Khairy iaitu Syed Rosli Syed Harman, Akhramsyah Muammar Ubaidah Sanusi, Irwan Ambak Khalid Izhar dan Abd Karim Ali belum memperoleh sebarang undi.

Berdasarkan keputusan pengundian yang diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Umno Tan Sri Tajol Rosli Ghazali, tiada undi diperoleh dua pencabar Shahrizat iaitu Raihan Suleiman Palestin dan Datuk Maznah Mazlan.

Calon Naib Ketua Pemuda, Khairul Azwan Harun memperoleh tujuh undi diikuti Mohamad Iruan Zulkefli (enam), Lokman Noor Adam (empat) dan Jamawi Jaafar (tiga).

Bagi jawatan Naib Ketua Wanita, keputusan masih kekal seperti 8.30 malam dengan Datuk Azizah Mohd Dun meraih 17 undi dan Datuk Suraya Yaacob, enam undi.

Calon Ketua Puteri, Mas Ermieyati Samsudin pula memperoleh 33 undi berbanding seorang lagi calon, Jamilah Hanim Othman dengan tujuh undi.

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, Zahida Zariq Khan mendapat 19 undi diikuti dua lagi calon, Norsabrina Mohd Nor (17) dan Nazliah Ali (empat).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985291>